

Bil. S 38

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN, 2009

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Lembaga Pencen Caruman Tambahan.
4. Keahlian dan tugas-tugas Lembaga.
5. Pelaburan, standard penjagaan dan pentadbiran dalaman Tabung.
6. Lantikan pemeriksa.

BAHAGIAN II

CARUMAN KEPADA TABUNG

7. Penubuhan Tabung Amanah Pencen Caruman Tambahan.
8. Kadar caruman oleh majikan, pekerja dan Kerajaan.
9. Caruman sukarela oleh orang yang bekerja sendiri.
10. Pembayaran caruman.
11. Mendapatkan balik caruman pekerja oleh majikan.
12. Pembayaran bayaran perkhidmatan ke atas caruman yang tertunggak.

13. Membayar balik caruman yang tersalah bayar.
14. Perbelanjaan.
15. Penyata akaun.
16. Caruman hendaklah dibayar ke dalam Tabung.
17. Mengkreditkan caruman ke dalam akaun SCP.
18. Bayaran kebelakangan oleh Kerajaan bagi generasi peralihan.

BAHAGIAN III

PEMBAYARAN DARI TABUNG

19. Kebenaran untuk membayar dari Tabung.
20. Bayaran sekaligus bagi ahli SCP yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam selama-lamanya atau mati tanpa tanggungan.
21. Amaun manfaat SCP.
22. Amaun manfaat keberterusan.
23. Amaun manfaat SCP turunan.
24. Lembaga hendaklah memberitahu Pegawai Probet.
25. Caruman dan deposit tidak boleh diserahkan hak atau ditahan.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN, HUKUMAN DAN PROSIDING

26. Kesalahan.
27. Penyiaran maklumat kepada orang yang tidak dibenarkan.
28. Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat.
29. Hukuman bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya.
30. Persetujuan Pendakwa Raya terhadap pendakwaan.
31. Mengkompaun kesalahan.

32. Perkecualian bagi prosiding jenayah.
33. Perakuan pegawai yang diberi kuasa sebagai keterangan.
34. Perjalanan pendakwaan.

BAHAGIAN V

AM

35. Perlindungan kepentingan pekerja dalam pelaksanaan prosiding dan penjualan.
 36. Kuasa untuk mengecualikan.
 37. Lembaga boleh melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan secara langsung dengan Tabung dan boleh meminta maklumat.
 38. Prosiding sivil untuk mendapatkan balik caruman.
 39. Peraturan-peraturan dan aturan-aturan.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN, 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2010.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Pencen Caruman Tambahan, untuk menubuhkan Tabung Amanah Pencen Caruman Tambahan dan untuk membuat peruntukan bagi semua perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"dividen tahunan" bermakna kadar dividen ke atas baki akaun SCP ahli-ahli yang diisytiharkan secara pada tiap-tiap tahun oleh Lembaga di bawah bab 7(6);

"membenarkan" bermakna dibenarkan oleh Lembaga;

"gaji purata" bermakna purata gaji yang terpakai bagi seseorang pekerja, yang dikira menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 39;

"Lembaga" bermakna Lembaga Pencen Caruman Tambahan yang ditubuhkan oleh bab 3(1);

"kontrak" bermakna sebarang kontrak, sama ada bertulis atau lisan dan sama ada nyata atau tersirat;

"manfaat SCP turunan" bermakna manfaat SCP turunan bulanan yang kena dibayar kepada mana-mana orang di bawah bab 23;

"pekerja" bermakna mana-mana orang yang berumur antara 18 dan 60 tahun iaitu seseorang warganegara Negara Brunei Darussalam atau seseorang penduduk tetap yang —

(a) digaji di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan atau perjanjian lain untuk bekerja dengan seseorang majikan; dan

(b) belum menerima apa-apa bayaran di bawah bab 20(1);

Dengan syarat bahawa Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan suatu perintah yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* mengisytiharkan mana-mana orang atau golongan orang sebagai bukan seorang pekerja bagi maksud-maksud Perintah ini;

"majikan" bermakna orang yang dengannya seseorang pekerja itu telah membuat suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan dan termasuk —

(a) mana-mana orang, syarikat, persatuan atau kumpulan orang, sama ada berkanun atau diperbadankan atau tidak, yang menggaji seseorang pekerja;

(b) pemilik mana-mana vesel di mana seseorang pekerja itu digaji;

(c) mana-mana pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji kepada seseorang pekerja bagi pihak seseorang majikan;

(d) mana-mana misi asing di Negara Brunei Darussalam;

(e) Kerajaan berkaitan dengan kategori, golongan atau perihalan pegawai atau pekerja sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* sebagai pekerja bagi maksud-maksud Perintah ini;

Dengan syarat bahawa seseorang pegawai atau pekerja yang digaji oleh atau bagi pihak Kerajaan tidaklah bertanggung sendiri atas apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya sebagai seorang pegawai atau pekerja Kerajaan dengan suci hati;

"Tabung" bermakna Tabung Amanah Pencen Caruman Tambahan yang ditubuhkan oleh bab 7(1) dan termasuk tabung perlindungan keberterusan;

"Hukum Syara'" bermakna undang-undang Islam menurut *Ahlis Sunnah Waljamaah* mengikut *Mazhab Shafi'ee, Hanafi, Maliki* atau *Hambali*;

"pemeriksa" bermakna seseorang pemeriksa yang dilantik di bawah bab 6(1);

"ahli Tabung" bermakna mana-mana orang yang dalam kreditnya sebarang amaun masih ada dalam Tabung dan termasuk seseorang yang bekerja sendiri yang membuat caruman kepada Tabung secara sukarela di bawah bab 9;

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan;

"akaun SCP" bermakna suatu akaun SCP yang diselenggarakan di bawah bab 17(1);

"baki akaun SCP" bermakna jumlah wang yang masih ada dalam kredit dalam akaun SCP seseorang ahli Tabung;

"manfaat SCP" bermakna manfaat SCP pada tiap-tiap bulan yang kena dibayar kepada seseorang ahli di bawah bab 21;

"ahli SCP" mempunyai makna sama seperti "ahli Tabung";

"orang yang bekerja sendiri" bermakna mana-mana orang yang berumur antara 18 dan 60 tahun yang, iaitu seseorang warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap dan tidak digaji di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan, menceburkan diri dalam apa-apa perdagangan, kerjaya, profesion atau aktiviti lain di Negara Brunei Darussalam bagi maksud mendapatkan keuntungan;

"manfaat keberterusan" bermakna manfaat keberterusan pada tiap-tiap bulan yang kena dibayar kepada seseorang di bawah bab 22;

"tabung perlindungan keberterusan" bermakna tabung perlindungan keberterusan yang disebut dalam bab 7(4);

"gaji" bermakna ganjaran dengan wang yang genap masanya dibayar kepada seseorang pekerja berkaitan dengan pekerjaannya sama ada bersetuju untuk dibayar pada setiap bulan, setiap minggu, setiap hari atau pun selainnya dan termasuk apa-apa bonus, komisen atau elaun yang kena dibayar oleh majikan sama ada bonus, komisen atau elaun

itu kena dibayar di bawah kontrak perkhidmatan, perantisan atau perjanjiannya atau pun selainnya, tetapi tidak termasuk —

- (a) nilai mana-mana rumah tempat tinggal atau pembekalan apa-apa makanan, bahan api, lampu atau air atau rawatan perubatan, atau sebarang kemudahan atau perkhidmatan;
- (b) sebarang caruman yang dibayar oleh majikan atas akaunnya sendiri kepada mana-mana tabung pencen atau tabung simpanan;
- (c) sebarang elaun perjalanan atau nilai sebarang konsesi perjalanan;
- (d) sebarang jumlah wang yang kena dibayar kepada pekerja itu untuk membiayai perbelanjaan khas yang diperlukannya oleh kerana jenis pekerjaannya;
- (e) sebarang baksis yang kena dibayar apabila diberhentikan kerja atau bersara;
- (f) bayaran perkhidmatan;
- (g) manfaat lebih masa;
- (h) manfaat pemberhentian, pembuangan kerja atau penamatan; atau
- (i) ganjaran atau bayaran lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Bagi maksud Perintah ini, jika amaun bonus yang kena dibayar oleh seseorang majikan kepada seseorang pekerja —

- (a) semuanya berjumlah 2 bulan atau kurang bagi satu tahun, amaun bonus tersebut hendaklah tidak diambil kira dalam pengiraan gaji pekerja itu;
- (b) semuanya berjumlah melebihi 2 bulan bagi satu tahun, hanya amaun bonus yang melebihi 2 bulan itu sahaja hendaklah dimasukkan dalam pengiraan gaji pekerja itu.

Penubuhan Lembaga Pencen Caruman Tambahan.

3. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga Pencen Caruman Tambahan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, timbalan pengerusi dan ahli-ahli lain sebagaimana yang mungkin dilantik di bawah bab 4(2).

Keahlian dan tugas-tugas Lembaga.

4. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, atas sokongan Menteri, melantik orang-orang untuk menjadi pengerusi dan timbalan pengerusi Lembaga dan pengarah urusan Lembaga.

(2) Ahli-ahli lain Lembaga hendaklah terdiri daripada —

(a) pengarah urusan Lembaga yang akan menjadi ahli rasmi kerana jawatan; dan

(b) tidak lebih daripada 9 orang ahli lain yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, yang daripada mereka itu tidak kurang dari 5 orang adalah wakil-wakil Kerajaan;

(3) Korum Lembaga adalah 5;

(4) Ahli-ahli Lembaga boleh dibayar elaun-elaun sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(5) Lantikan ahli-ahli Lembaga, termasuk pengerusi dan timbalan pengerusi, boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, tetapi mereka hendaklah, melainkan jika lantikan mereka dibatalkan atau mereka meletakkan jawatan, memegang jawatan bagi suatu tempoh selama 2 tahun atau bagi suatu tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin dalam sebarang hal ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(6) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membaharui tempoh mana-mana ahli Lembaga selepas tamatnya tempoh 2 tahun itu.

(7) Tempoh 2 tahun yang ditetapkan oleh cerai-ceraian (5) dan (6) tidak dikenakan kepada pengarah urusan Lembaga.

(8) Lembaga hendaklah menjadi suatu badan korporat yang kekal turun-temurun dan hendaklah mempunyai meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama badan korporatnya.

(9) Semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang menghendaki meterai Lembaga hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Lembaga dengan kebenaran Lembaga di hadapan pengarah urusan atau seseorang ahli Lembaga, dan orang lain yang telah dibenarkan oleh Lembaga untuk bertindak bagi maksud itu, dan hendaklah ditandatangani oleh pengarah urusan atau ahli Lembaga, mengikut mana yang berkenaan, dan oleh orang lain yang telah dibenarkan itu, dan penandatanganan tersebut adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai biasa Lembaga telah dibubuh dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Lembaga yang sah.

(10) Lembaga boleh dengan ketetapan atau pun selainnya melantik seseorang pegawai Lembaga atau mana-mana ejen lain sama ada pada amnya atau dalam hal tertentu untuk melaksanakan atau menandatangani bagi pihak Lembaga sebarang perjanjian atau suratcara lain yang tidak dimeterai berkenaan dengan apa-apa perkara yang termasuk di bawah kuasa-kuasa Lembaga.

(11) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang diberikan atau dikenakan oleh Perintah ini atau sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Lembaga boleh dengan suratcara bertulis mewakilkan kepada mana-mana orang atau ejen semua atau sebarang kuasa dan kewajipan itu.

(12) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil kerja kakitangan yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan orang lain yang pada pendapat Lembaga diperlukan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan hendaklah mempunyai semua kuasa dan tugas lain yang diperlukan dengan munasabah untuk mencapai tujuan-tujuannya di bawah Perintah ini termasuk —

(a) mengembangkan dan membayar bagi anggaran perbelanjaan operasinya sendiri dan kos lain yang munasabah dari aset Tabung, tetapi hanya setakat mana anggaran perbelanjaan itu munasabah dan dimaksudkan semata-mata bagi tujuan mencapai tujuan Tabung di bawah bab 7(1);

(b) mendapatkan dan membuat kontrak bagi barang-barang dan perkhidmatan atas syarat-syarat yang munasabah, yang diperlukan dengan munasabah untuk mencapai tujuan-tujuan Tabung selaras dengan Perintah ini;

(c) semua kuasa dan tugas yang diperlukan dengan munasabah untuk melaburkan dan mengurus aset Tabung.

(13) Ahli-ahli Lembaga dan mana-mana orang yang digaji oleh Lembaga hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggali 22).

(14) Lembaga boleh membuat aturan-aturan bagi semua atau sebarang maksud bab ini dan khususnya boleh membuat aturan-aturan —

(a) bagi perjalanan prosidingnya; dan

(b) bagi lantikan, kenaikan pangkat, pembuangan kerja, penamatan perkhidmatan dan kawalan tatatertib semua orang yang digaji oleh Lembaga, kecuali berkaitan dengan pegawai-pegawai kerajaan.

(15) Pengarah urusan adalah ketua eksekutif dan hendaklah diamanahkan dengan pentadbiran harian Lembaga dan Tabung, penyediaan program, skim atau projek untuk pertimbangan Lembaga dan perlaksanaan keputusannya.

(16) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat sebagaimana yang mungkin dikehendaki tetapi kekerapannya tidak kurang dari sekali dalam setiap 3 bulan.

(17) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya minit mesyuarat dan keputusannya disimpan.

Pelaburan, standard penjagaan dan pentadbiran dalaman Tabung.

5. (1) Lembaga hendaklah mengadakan dasar berhubung dengan struktur pelaburan dan pengurusan aset Tabung.

(2) Bagi maksud cerai (1), Lembaga hendaklah menerima-pakai standard dan prosedur yang akan digunakan oleh orang yang berhemat dengan munasabah dalam membuat suatu portfolio pelaburan untuk mencapai tujuan Tabung di bawah bab 7(1), termasuk mempelbagaikan dengan munasabah aset dan risikonya, mengelakkan risiko kerugian yang tidak berpatutan dan bertujuan untuk mendapatkan pulangan yang munasabah, dalam semua hal keadaan.

(3) Lembaga hendaklah melaburkan, mengurus dan mentadbir aset Tabung menurut dasar, standard dan prosedur tersebut dan semata-mata bagi tujuan mencapai matlamat-matlamat Tabung.

(4) Dalam membuat dasar, standard dan prosedur tersebut, Lembaga hendaklah menimbangkan bahawa nilai baki akaun SCP ahli-ahli boleh menurun-naik jumlah pulangan sebenar yang diterima ke atas pelaburan-pelaburan Tabung.

(5) Oleh yang demikian, risiko pelaburan tertentu, mungkin tidak bersesuaian bagi Tabung.

(6) Lembaga hendaklah lebih berhati-hati dalam membenarkan dan menguruskan pelaburan-pelaburan yang mungkin melibatkan penggunaan pengaruh, menyebabkan andaian risiko yang boleh menjejaskan keperluan kecairan Tabung atau yang dirancang untuk memberi manfaat terutamanya dari aktiviti-aktiviti spekulasi atau kedua-duanya.

(7) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang disebutkan di atas, Lembaga boleh melaburkan aset Tabung dalam apa-apa pelaburan yang dinyatakan dalam ceraiian (8).

(8) Pelaburan-pelaburan yang disebut dalam ceraiian (7) adalah —

(a) sebarang stok, dana, saham atau sekuriti dalam syarikat-syarikat yang diperbadankan atau beroperasi di Negara Brunei Darussalam; dan

(b) apa-apa pelaburan dalam sebarang entiti atau suratcara penerbit yang berpusat di mana-mana negara atau wilayah lain yang berselang ganti atau asalnya dalam mana-mana matawang lain, termasuk —

- (i) sebarang sekuriti faedah tetap yang diterbitkan oleh atau dijamin oleh sesebuah kerajaan, negara atau perbandaran atau oleh suatu institusi antarabangsa yang dijamin oleh sesebuah kerajaan, sama ada diperdagangkan dalam sebuah bursa atau tidak;
- (ii) sebarang sekuriti kadar terapung dan terlindung inflasi;
- (iii) apa-apa obligasi suatu perbadanan, bank perdagangan atau suatu syarikat pemegangan bank; sekuriti sandaran aset dan sekuriti sandaran gadaijanji atau dijamin tanpa syarat oleh suatu entiti korporat atau amanah; sebarang perjanjian pembelian semula dan pembelian semula berbalik dengan sebuah bank perdagangan besar atau seorang peniaga utama;
- (iv) kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan, kontrak opsiyen atau swap ke atas apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh ceraiian ini yang diperdagangkan dalam sebuah bursa yang dikawalselia oleh pihak berkuasa nasional;
- (v) sebarang sekuriti yang disenaraikan dan diperdagangkan dalam sebuah bursa yang dikawalselia oleh pihak berkuasa nasional;

- (vi) sebarang dana dagangan bursa, suratcara yang memberi pendedahan kepada indeks pasaran bagi apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh cerai ini, suatu dana ekuiti persendirian dan suatu dana perlindungan nilai;
- (vii) sebarang suratcara kewangan Islam;
- (viii) sebarang bulion, komoditi dan matawang;
- (ix) apa-apa pelaburan tertentu lain yang tidak termasuk dalam cerai ini yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga.

(9) Lembaga boleh mengadakan dan mematuhi dasar, standard dan prosedur yang seberapa luas atau lebih terhad dari yang dibenarkan oleh cerai (8).

(10) Lembaga boleh mewakilkan kuasa yang berkenaan kepada seseorang pegawai yang dipinjamkan daripada agensi lain atau jabatan Kerajaan atau kepada mana-mana syarikat (termasuk tetapi tidak terhad kepada sesebuah firma pengurusan pelaburan, syarikat insurans dan sesebuah bank) (yang setiap satunya dalam cerai (12) disebut sebagai penyedia perkhidmatan), dengan syarat bahawa —

(a) perwakilan tersebut didokumenkan dengan sewajarnya;

(b) wakil itu memberikan suatu pengakuan bertulis tentang tanggungjawab yang sepatutnya, liabiliti dan kewajipan-kewajipan yang berhubungkait dengan perwakilan tersebut; dan

(c) Lembaga memantau prestasi setiap wakil.

(11) Lembaga hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipannya semata-mata untuk mencapai tujuan Tabung di bawah bab 7(1).

(12) Lembaga hendaklah mengadakan dan mematuhi dasar dan prosedur untuk mengesan dan mengelakkan percanggahan kepentingan dan untuk mengenakan standard etika yang munasabah kepada ahli-ahlinya, semua ahli mana-mana kumpulan penasihat yang boleh digunakannya, semua pegawai yang dipinjamkan dan semua penyedia perkhidmatan yang diupah oleh Lembaga (yang semuanya dalam bab ini disebut sebagai orang-orang yang diliputi).

(13) Dasar dan prosedur tersebut hendaklah termasuk suatu peruntukan bahawa —

(a) setiap orang yang diliputi yang mempunyai kepentingan kewangan peribadi atau kepentingan lain secara langsung atau tidak langsung dalam suatu kontrak atau pelaburan yang dibuat atau dicadangkan

hendak dibuat oleh Tabung hendaklah mendedahkan jenis kepentingannya dalam mesyuarat pertama Lembaga selepas fakta-fakta yang berkaitan sampai ke pengetahuannya;

(b/ suatu pendedahan di bawah perenggan (a/ hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga dan, selepas pendedahan itu, orang yang diliputi —

- (i) tidak boleh mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga atau kakitangannya berhubung dengan, atau pun selainnya mempengaruhi atau bertujuan untuk mempengaruhi isi hal, terma-terma atau sebarang aspek lain kontrak atau pelaburan tersebut;
- (ii) jika dia seorang ahli Lembaga, tidak akan diambil kira bagi tujuan membentuk korum Lembaga bagi sebarang perbincangan atau keputusan tersebut;
- (iii) jika dia seorang ahli mana-mana kumpulan penasihat kepada Lembaga, seorang pegawai yang dipinjamkan atau penyedia perkhidmatan, hendaklah menahan diri daripada mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan kontrak atau pelaburan itu;

(c/ suatu perbuatan atau prosiding Lembaga tidak boleh dipersoalkan oleh seseorang yang bukan seorang ahli Lembaga atas alasan bahawa orang yang diliputi telah melanggar cerai ini, kecuali bahawa seseorang juruaudit atau Juruaudit Agung di bawah bab 15 boleh mempersoalkan sebarang perbuatan atau prosiding tersebut atas alasan itu; dan

(d/ seseorang ahli Lembaga tidak boleh bertindak sebagai seorang wakil dalam Lembaga mengenai sebarang kepentingan perdagangan, kewangan, pertanian, perindustrian atau kepentingan lain yang mungkin ada kaitan dengannya.

(14) Lembaga hendaklah mengadakan dan mematuhi suatu sistem kawalan dalaman bertulis berhubung dengan program pelaburannya, penerimaan dan pembahagian wang dan aktiviti-aktiviti lain.

(15) Sistem yang disebut dalam cerai (14) akan menghendaki pengasingan tugas dan proses audit dalaman yang bersesuaian di bawah hal keadaan itu.

(16) Lembaga hendaklah menimbang dengan bijak dan objektif dan membuat keputusan berhubung dengan pengurusan aset Tabung dan mekanisme bagi membiayai dan memberikan manfaat dan hendaklah selepas itu melaksanakan penyusunan dengan sewajarnya.

(17) Berhubung dengan pengurusan aset, Lembaga hendaklah menimbangkan sama ada untuk melaksanakan dasar pelaburan Tabung dan menguruskan aset Tabung —

(a) secara dalaman melalui kakitangan dan sumbernya sendiri;

(b) melalui kakitangan dan sumber dari mana-mana tabung, lembaga, jabatan, agensi atau organisasi lain Kerajaan;

(c) secara luaran dengan mengupah pihak ketiga; atau

(d) melalui gabungan alternatif-alternatif ini.

(18) Dalam menimbangkan dan membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang disebut dalam cerai (17), Lembaga hendaklah menimbangkan, antara faktor-faktor lain yang mungkin, kos relatif kepada Tabung bagi setiap alternatif, berapa cepat kemungkinannya Lembaga melaksanakan setiap alternatif, dan implikasi kebolehlaksanaan dan pengendalian setiap alternatif.

(19) Lembaga hendaklah menimbangkan sama ada untuk membiayai dan memberikan manfaat kepada ahli-ahli di bawah Perintah ini dan mendapatkan dan menyediakan perkhidmatan lain yang diperlukan dengan munasabah atau dapat membantu untuk membiayai dan memberikan manfaat tersebut —

(a) dengan aset Tabung itu sendiri dan melalui kakitangan, sumber dan pentadbiran Lembaga itu sendiri;

(b) melalui mana-mana tabung, lembaga, jabatan, agensi atau organisasi lain Kerajaan;

(c) melalui pihak ketiga yang menginsuranskan, membiayai atau memberikan manfaat atau perkhidmatan tersebut; atau

(d) melalui sebarang gabungan alternatif-alternatif ini.

(20) Dalam menimbangkan dan membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang disebut dalam cerai (19), Lembaga hendaklah menimbangkan, antara faktor-faktor lain yang mungkin, kos relatif kepada Tabung bagi setiap alternatif, kualiti dan jenis manfaat yang mungkin diberikan melalui setiap alternatif, kemungkinan memberikan manfaat yang dijanjikan mengikut statut dengan sepenuhnya dan tepat pada masanya, berapa cepat kemungkinannya Lembaga melaksanakan setiap alternatif dan implikasi kebolehlaksanaan dan pengendalian setiap alternatif.

(21) Lembaga hendaklah menimbangkan sama ada untuk membiayai dan memberikan manfaat kepada waris-waris dan tanggungan-tanggungan yang layak di bawah Perintah ini dan mendapatkan dan menyediakan perkhidmatan lain

yang diperlukan dengan munasabah atau dapat membantu untuk membiayai dan memberikan manfaat tersebut —

(a) dengan aset Tabung itu sendiri dan melalui kakitangan, sumber dan pentadbiran Lembaga itu sendiri;

(b) melalui mana-mana tabung, lembaga, jabatan, agensi atau organisasi lain Kerajaan;

(c) melalui pihak ketiga yang menginsuranskan, membiayai atau memberikan manfaat atau perkhidmatan tersebut; atau

(d) melalui sebarang gabungan alternatif-alternatif ini.

(22) Dalam menimbangkan perkara-perkara yang disebut dalam ceraian (21), Lembaga hendaklah menimbangkan, antara faktor-faktor lain yang mungkin, kos relatif kepada Tabung bagi setiap alternatif, kualiti dan jenis manfaat yang mungkin diberikan melalui setiap alternatif, kemungkinan memberikan manfaat yang dijanjikan mengikut statut dengan sepenuhnya dan tepat pada masanya, berapa cepat kemungkinannya Lembaga melaksanakan setiap alternative, dan implikasi kebolehlaksanaan dan pengendalian setiap alternatif.

Lantikan pemeriksaan.

6. (1) Lembaga boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik sebilangan orang pemeriksa sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk menguatkuasakan Perintah ini.

(2) Pesuruhjaya Buruh, Timbalan Pesuruhjaya Buruh dan mana-mana Penolong Pesuruhjaya Buruh di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 [S 37/09] boleh menjalankan semua atau sebarang kuasa seorang pemeriksa bagi maksud-maksud Perintah ini.

(3) Semasa menjalankan suatu pemeriksaan, seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai yang disebut dalam ceraian (2) boleh pada bila-bila masa yang munasabah —

(a) memasuki mana-mana premis atau tempat jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang digaji di dalamnya;

(b) memeriksa, sama ada berseorangan atau di hadapan mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Perintah ini atau yang dia mungkin dengan munasabah menghendaki maklumat, mana-mana

orang yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai sebagai atau pernah menjadi seorang pekerja atau seorang majikan, dan menghendaki supaya tiap-tiap orang itu diperiksa dan bagi maksud-maksud pemeriksaan tersebut boleh menyaman mana-mana orang itu untuk hadir di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam saman tersebut;

(c) mengajukan soalan-soalan berhubung dengan pekerja-pekerja kepada majikan-majikan mereka atau kepada mana-mana orang yang mungkin menjaga mereka, atau kepada pekerja-pekerja itu sendiri, atau kepada mana-mana orang lain yang mungkin dianggapnya mustahak untuk disoal dan majikan-majikan atau pekerja-pekerja atau orang lain itu hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan-soalan dengan sebenarnya sepanjang keupayaannya;

(d) menghendaki mana-mana majikan untuk mengemukakan di hadapannya semua atau mana-mana pekerja yang digaji olehnya berserta dengan sebarang kontrak perkhidmatan, buku akaun gaji, daftar dan dokumen lain berhubung dengan pekerja-pekerja yang mereka gaji dan untuk menjawab soalan-soalan berkenaan dengannya sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut untuk ditanyakan;

(e) menghendaki mana-mana majikan untuk mengemukakan bagi pemeriksaannya penyata akaun perusahaannya yang telah diaudit dan rekod lain berkenaan dengan akaun dan untuk menjawab soalan-soalan berkenaan dengannya sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut untuk ditanyakan;

(f) membuat salinan apa-apa buku, dokumen atau kertas yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah perenggan-perenggan (d) atau (e) dan mengambil milik buku, dokumen atau kertas tersebut apabila pada pendapatnya —

- (i) penyalinannya tidak dapat dijalankan dengan munasabah tanpa mengambil milik;
- (ii) buku, dokumen atau kertas itu mungkin diusik melainkan jika pemilikannya diambil; atau
- (iii) buku, dokumen atau kertas itu mungkin dikehendaki sebagai keterangan dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau dalam sebarang prosiding bagi mendapatkan balik sebarang wang yang genap masanya dibayar kepada Tabung.

(4) Jika mana-mana orang dengan sengaja —

(a) melengahkan seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai yang disebut dalam ceraiian (2) dalam menjalankan sebarang kuasa di bawah bab ini;

(b) gagal mematuhi permintaan seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai itu menurut bab ini atau mengemukakan apa-apa rekod, sijil, notis atau dokumen yang dia dikehendaki oleh bab ini untuk mengemukakannya;

(c) enggan memberikan apa-apa maklumat tentang identiti pekerja-pekerja mana-mana majikan atau tentang identiti majikan mana-mana pekerja; atau

(d) menyembunyikan, menghalang, cuba menyembunyikan atau menghalang seseorang dari hadir sebelum diperiksa oleh seseorang pemeriksa atau pegawai itu,

maka dia hendaklah dianggap telah menghalang pemeriksa atau pegawai itu dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

(5) Mana-mana orang yang menghalang seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai yang disebut dalam ceraiian (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN II

CARUMAN KEPADA TABUNG

Penubuhan Tabung Amanah Pencen Caruman Tambahan.

7. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, adalah dengan ini ditubuhkan suatu tabung yang dipanggil Tabung Amanah Pencen Caruman Tambahan yang akan dibayar ke dalamnya semua caruman yang dibenarkan di bawah Perintah ini dan yang akan dibayar darinya semua bayaran yang dibenarkan untuk dibayar di bawah Perintah ini.

(2) Lembaga adalah pemegang amanah Tabung dan semua wang kepunyaan Tabung hendaklah dilaburkan menurut bab 5.

(3) Lembaga boleh menubuhkan suatu jawatankuasa bagi tujuan pelaburan, pengurusan dan pentadbiran Tabung.

(4) Tiap-tiap ahli hendaklah diberikan suatu akaun masing-masing dalam Tabung yang dipanggil akaun SCP yang akan dikreditkan di dalamnya semua caruman bagi ahli itu, tidak termasuk bahagian caruman yang akan dibayar ke dalam tabung perlindungan keberterusan di bawah bab-bab 8, 9 dan 10.

(5) Suatu dividen tahunan yang mencerminkan pendapatan yang dihasilkan dari pelaburan Tabung hendaklah juga dikreditkan ke dalam akaun SCP.

(6) Suatu dividen tahunan hendaklah kena dibayar ke atas baki akaun SCP pada suatu kadar sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Lembaga.

(7) Lembaga tidak boleh mengisytiharkan suatu kadar dividen tahunan kecuali dengan kebenaran Menteri.

(8) Lembaga, dengan tujuan untuk mengurangkan turun naik kadar dividen tahunan dari tahun ke setahun, tidak boleh mengisytiharkan suatu kadar dividen tahunan dalam mana-mana satu tahun yang lebih tinggi dari purata jumlah pulangan tahunan sebenar ke atas pelaburan-pelaburan Tabung sepanjang 5 tahun sehingga dan termasuk tahun itu, yang dikira mengikut prinsip dan standard perakaunan yang diterima antarabangsa bagi menilai portfolio pelaburan, lebihan dari tahun-tahun jika kadar dividen tahunan yang diisytiharkan adalah lebih rendah dari jumlah pulangan sebenar hendaklah dimasukkan-kirakan secara berasingan dan digunakan semata-mata bagi peruntukan kepada baki akaun ahli-ahli SCP dalam tahun-tahun jika kadar dividen tahunan yang diisytiharkan adalah lebih tinggi dari jumlah pulangan sebenar.

(9) Dalam masa 4 tahun pertama, Lembaga tidak boleh mengisytiharkan suatu kadar dividen tahunan dalam mana-mana tahun yang lebih tinggi dari jumlah pulangan tahunan purata sehingga tahun itu sejak penubuhan Tabung.

(10) Jika Lembaga pada bila-bila masa tidak mampu membayar sebarang jumlah wang yang Tabung dikehendaki untuk membayarnya di bawah Perintah ini, maka jumlah wang yang dikehendaki untuk dibayar itu hendaklah dikenakan kepada dan dipinjamkan kepada Lembaga dari Kumpulanwang Yang Disatukan dan Lembaga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang dipinjamkan itu.

Kadar caruman oleh majikan, pekerja dan Kerajaan.

8. (1) Tertakluk kepada sebarang peraturan di bawah bab 39, dan kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam bab ini, tiap-tiap majikan seseorang pekerja hendaklah membayar kepada Tabung pada setiap bulan berkaitan dengan tiap-tiap pekerja caruman pada kadar 3 peratus dari gajinya, campur tambahan 0.5 peratus kepada tabung perlindungan keberterusan.

(2) Lembaga boleh, atas budibicaranya dan atas terma-terma dan syarat-syarat tersebut membenarkan seseorang majikan atau golongan majikan untuk membayar caruman di bawah ceraian (1) pada selang waktu lain tidak melebihi 3 bulan.

(3) Tanpa mengira gaji seseorang pekerja, caruman bulanan minimum daripada majikan bagi pihak pekerja itu adalah \$17.50, dari \$17.50 itu \$15 hendaklah dikreditkan ke dalam akaun SCP dan \$2.50 hendaklah dibayar kepada tabung perlindungan keberterusan.

(4) Mengenai caruman di bawah ceraian (1) berkaitan dengan seseorang pekerja, gaji yang terpakai hendaklah paling tinggi 200 peratus dari gaji purata pekerja itu, dengan yang demikian itu caruman adalah tidak dikehendaki bagi sebarang amaun yang melebihi ambang ini.

(5) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis atau sebarang kontrak yang bertentangan, seseorang majikan adalah berhak untuk mendapatkan balik dari gaji bulanan seseorang pekerja amaun yang boleh didapatkan balik daripada pekerja itu.

(6) Jika mana-mana majikan yang telah mendapatkan balik sebarang amaun dari gaji bulanan seseorang pekerja menurut ceraian (5) gagal membayar caruman kepada Tabung dalam masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(7) Tiap-tiap pekerja hendaklah membayar kepada Tabung pada setiap bulan berkaitan dengan dirinya, caruman pada kadar 3 peratus dari gajinya campur tambahan 0.5 peratus kepada tabung perlindungan keberterusan.

(8) Lembaga boleh, atas terma-terma tersebut membenarkan seseorang pekerja atau golongan pekerja untuk membayar caruman di bawah ceraian (7) pada selang waktu lain tidak melebihi 3 bulan.

(9) Caruman bulanan minimum daripada seseorang pekerja di bawah ceraian (7) adalah \$17.50, dari \$17.50 itu \$15 hendaklah dikreditkan ke dalam akaun SCP ahli dan \$2.50 hendaklah dibayar kepada tabung perlindungan keberterusan.

(10) Jika 3.5 peratus dari gaji seseorang pekerja berjumlah kurang dari \$17.50, Kerajaan hendaklah membuat suatu caruman bagi pihak pekerja itu untuk mencukupkan jumlah yang kurang itu antara caruman 3.5 peratus pekerja itu dan \$17.50.

(11) Mengenai caruman di bawah ceraian (7) berkaitan dengan seseorang pekerja, gaji yang terpakai hendaklah paling tinggi 200 peratus dari gaji purata pekerja itu, dengan yang demikian itu caruman adalah tidak dikehendaki bagi sebarang amaun yang melebihi ambang ini.

(12) Tanpa menjejaskan ceraian-ceraian (1) hingga (11) —

(a) seseorang majikan boleh pada bila-bila masa membayar kepada Tabung caruman sukarela berkaitan dengan pekerja-pekerjanya pada suatu kadar yang melebihi kadar caruman di bawah ceraian (1);

(b) seseorang pekerja boleh pada bila-bila masa mencarum secara sukarela kepada Tabung suatu jumlah wang sebagai tambahan kepada caruman di bawah ceraian (7);

(c) seseorang pekerja yang berhasrat supaya caruman bulanan yang berlebihan di bawah perenggan (b) dipotong dari gaji bulanannya oleh majikannya boleh memberikan kepada majikannya notis bertulis bagi maksud itu, dan selepas itu, selagi dia digaji oleh majikannya, maka majikan itu hendaklah membuat potongan dari gajinya bagi setiap bulan sehingga masa, tidak kurang 6 bulan dari pemberian notis terdahulu, apabila dia memberikan notis bertulis yang selanjutnya kepada majikannya mengenai hasratnya untuk menghentikan pemotongan caruman bulanan yang berlebihan dari gajinya, dan majikan itu hendaklah membayar amaun potongan yang berlebihan kepada Tabung sebagai tambahan kepada caruman di bawah ceraian-ceraian (1) dan (7).

(13) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (7) hingga (11), jika gaji adalah kena dibayar pada selangan waktu kurang dari satu bulan, majikan itu boleh memotong dari gaji pekerja itu pada masa setiap pembayaran.

(14) Semua caruman sukarela yang dibayar oleh atau bagi mana-mana pekerja di bawah ceraian (12) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun SCP pekerja itu.

(15) Sekiranya seseorang pekerja itu mati, caruman tidaklah kena dibayar di bawah bab ini oleh atau bagi pihak pekerja itu berkaitan dengan bulan ketika kematiannya itu berlaku.

(16) Jika sebarang caruman yang disebut dalam ceraian (15) telah diterima ia hendaklah dimasukkan ke dalam Tabung menurut bab 16.

Caruman sukarela oleh orang yang bekerja sendiri.

9. (1) Tertakluk kepada peraturan-peraturan atau aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 39, mana-mana orang yang bekerja sendiri boleh pada bila-bila masa mencarum secara sukarela kepada Tabung.

(2) Mana-mana orang yang bekerja sendiri yang memilih untuk membayar caruman sukarela kepada Tabung hendaklah membayar kepada Tabung pada setiap bulan berkaitan dengan dirinya suatu caruman sebanyak \$17.50, dari

\$17.50 itu \$15 hendaklah dikreditkan ke dalam akaun SCP orang itu dan \$2.50 hendaklah dibayar kepada tabung perlindungan keberterusan.

(3) Lembaga boleh atas terma-terma dan syarat-syarat tersebut membenarkan mana-mana orang yang bekerja sendiri atau golongan orang yang bekerja sendiri untuk membayar caruman di bawah ceraian (2) pada selang waktu lain tidak melebihi 3 bulan.

(4) Jika mana-mana orang yang bekerja sendiri telah membayar sebarang caruman sukarela di bawah ceraian (2), Kerajaan hendaklah memadankan caruman orang itu dengan caruman \$17.50, dari \$17.50 itu \$15 hendaklah dikreditkan ke dalam akaun SCP orang itu dan \$2.50 hendaklah dibayar kepada tabung perlindungan keberterusan.

(5) Mana-mana orang yang bekerja sendiri boleh pada bila-bila masa mencarum secara sukarela kepada Tabung suatu jumlah wang sebagai tambahan kepada caruman di bawah ceraian (2).

(6) Semua caruman sukarela yang dibuat oleh seseorang yang bekerja sendiri di bawah ceraian (5) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun SCP orang itu.

(7) Bab ini tidak dikenakan kepada mana-mana orang yang bekerja sendiri yang telah menerima bayaran di bawah bab 20(1).

Pembayaran caruman.

10. (1) Kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Perintah ini, majikan hendaklah, pada mulanya, bertanggung untuk membayar kedua-duanya caruman yang kena dibayar olehnya sendiri dan juga, bagi pihak dan kecuali pekerja, caruman yang kena dibayar oleh pekerja itu; dan bagi maksud-maksud Perintah ini, caruman yang dibayar oleh seseorang majikan bagi pihak seseorang pekerja hendaklah dianggap sebagai caruman oleh pekerja itu.

(2) Caruman yang kena bayar oleh majikan bagi dirinya sendiri dan bagi pihak pekerja di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar berkaitan dengan gaji bulan pertama dan bulan berikutnya.

(3) Dengan tidak menghiraukan bab 12, jika seseorang majikan gagal membayar sebarang caruman yang genap masanya dibayar dalam tempoh yang ditentukan, majikan itu hendaklah sebagai tambahan kepada caruman tersebut bertanggung untuk membayar dividen tahunan yang sepatutnya terakru ke atas caruman tersebut jika caruman tersebut telah dibayar oleh majikan itu dalam tempoh yang ditentukan dan dividen tahunan tersebut hendaklah dikira dan dikreditkan ke dalam akaun SCP pekerja itu pada suatu kadar sebagaimana mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(4) Jika dividen tahunan bagi suatu tahun tertentu belum diisytiharkan oleh Lembaga, dividen tahunan yang diisytiharkan bagi tahun sebelum tahun itu hendaklah digunakan bagi maksud mengira dividen tahunan bagi tahun itu.

Mendapatkan balik caruman pekerja oleh majikan.

11. (1) Tertakluk kepada bab ini, majikan adalah berhak untuk mendapatkan balik daripada pekerja, amaun sebarang caruman yang kena dibayar bagi pihak pekerja.

(2) Amaun sebarang caruman yang kena dibayar oleh majikan bagi pihak pekerja boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis atau sebarang kontrak yang bertentangan, didapatkan balik dengan cara potongan dari gaji pekerja yang genap masanya dibayar oleh majikan kepada pekerja dan bukan sebaliknya.

(3) Tiada potongan sebarang caruman boleh dibuat —

(a) kecuali pada masa gaji dibayar kepada pekerja; dan

(b) selain dari caruman berkaitan dengan gaji yang kemudiannya dibayar.

(4) Tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga, jika seseorang majikan telah, kerana kesilapan yang bukan disebabkan oleh kecuaiannya, meninggalkan daripada memotong sebarang caruman atau sebahagian dari sebarang caruman yang kena dibayar olehnya bagi pihak pekerja, maka, caruman tersebut atau sebahagiannya boleh dipotong dari gaji yang kena dibayar oleh majikan itu kepada pekerja tidak lewat dari 6 bulan daripada tarikh pembayaran gaji yang berkaitan dengannya caruman tersebut atau sebahagiannya telah ditinggalkan daripada dipotong.

(5) Mana-mana majikan yang melanggar cerai-ceraian (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembayaran bayaran perkhidmatan ke atas caruman yang tertunggak.

12. (1) Jika amaun caruman yang seseorang majikan itu bertanggung untuk membayarnya di bawah bab 10 berkaitan dengan mana-mana bulan tidak dibayar dalam tempoh yang ditentukan, majikan itu adalah bertanggung untuk membayar bayaran perkhidmatan ke atas amaun tersebut bagi setiap hari amaun tersebut masih belum dibayar yang bermula dari hari pertama dalam bulan selepas bulan yang berkaitan dengannya amaun tersebut adalah kena dibayar dan bayaran perkhidmatan itu hendaklah dikira pada suatu kadar sebagaimana mungkin yang ditentukan oleh Lembaga.

{2} Lembaga boleh, dalam sebarang hal yang difikirkannya patut, mengetepikan pembayaran semuanya atau sebahagian dari, atau meremit semuanya atau sebahagiannya, sebarang bayaran perkhidmatan yang genap masanya dibayar atau dibayar di bawah ceraian {1}.

Membayar balik caruman yang tersalah bayar.

13. {1} Jika Lembaga berpuas hati bahawa sebarang amaun telah tersalah bayar kepada Tabung berkaitan dengan mana-mana orang atau sebagai bayaran perkhidmatan di bawah bab 12, Lembaga boleh membayar balik amaun yang telah tersalah bayar itu kepada Kerajaan atau orang yang telah membayarnya, mengikut mana yang berkenaan.

{2} Jika pembayaran balik sebarang amaun yang tersalah bayar di bawah ceraian {1} tidak dituntut dalam masa satu tahun dari tarikh ia dibayar, amaun yang tersalah bayar itu tidak boleh dibayar balik tetapi hendaklah dianggap telah sempurna dibayar di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini sebagai bayaran perkhidmatan atau bagi Kerajaan atau orang yang berkaitan dengannya ia dibayar, mengikut mana yang berkenaan.

{3} Tiada pembayaran balik boleh dibuat dan tiada amaun boleh ditolak di bawah bab ini kecuali dengan persetujuan Lembaga yang boleh menghendaki Kerajaan atau mana-mana orang yang mendakwa telah tersalah bayar sebarang amaun kepada Tabung untuk membuat permohonan bertulis bagi pembayaran balik dan untuk memberikan maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga untuk menentukan amaun yang dibayar itu.

Perbelanjaan.

14. Semua perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga, termasuk kos mengaudit akaun Tabung sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab 15{1}, hendaklah dibayar dari wang Tabung.

Penyata akaun.

15. {1} Akaun Tabung hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah dibenarkan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh bab 131(3) dari Akta Syarikat (Penggah 39) untuk dilaksanakan oleh seseorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Jika akaun itu telah diaudit di bawah ceraian (1)(b), akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum satu salinannya dikemukakan kepada Menteri, yang kemudiannya akan menghadapkan salinan itu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung setiap tahun kewangan Pengerusi Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu akaun hasil dan perbelanjaan Tabung, caruman yang diterima dan pembayaran yang dibuat dan dividen tahunan yang dikreditkan kepada ahli-ahli Tabung dalam tahun kewangan yang terdahulu berserta dengan suatu penyata aset dan liabiliti Tabung.

(4) Akaun dan penyata yang disebut dalam ceraian (3) berserta dengan laporan Juruaudit Agung atau orang lain yang dibenarkan hendaklah dikemukakan kepada Menteri dan disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(5) Tahun kewangan Tabung hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

Caruman hendaklah dibayar ke dalam Tabung.

16. (1) Semua jumlah wang yang didapatkan balik atau dipungut atas akaun caruman kepada Tabung di bawah Perintah ini hendaklah dibayar atau dimasukkan ke dalam Tabung mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya dikreditkan kepada tiap-tiap ahli Tabung —

(a) amaun setiap caruman yang dibayar kepada Tabung baginya, tidak termasuk bahagian caruman yang akan dibayar ke dalam tabung perlindungan keberterusan; dan

(b) dividen tahunan pada kadar yang diisytiharkan di bawah bab 7(6) pada selangan waktu sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga dan atas amaun yang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung pada masa sebagaimana mungkin ditentukan oleh Lembaga.

Mengkreditkan caruman ke dalam akaun SCP.

17. (1) Hendaklah diselenggarakan bagi tiap-tiap ahli Tabung berkaitan dengan wang yang masih ada dalam kreditnya suatu akaun SCP dalam Tabung.

(2) Lembaga hendaklah mengkreditkan kepada akaun SCP setiap caruman yang dibayar ke dalam Tabung bagi seseorang ahli, tidak termasuk bahagian caruman yang dibayar ke dalam tabung perlindungan keberterusan di bawah bab-bab 8, 9 dan 10, mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh

Menteri, dan Menteri boleh memberi arahan yang berlainan berkaitan dengan golongan ahli yang berlainan.

Bayaran kebelakangan oleh Kerajaan bagi generasi peralihan.

18. (1) Jika seseorang itu tergolong dalam generasi peralihan, hendaklah dibayar oleh Kerajaan suatu caruman sekaligus secara kebelakangan dalam suatu amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri yang akan dibayar ke dalam akaun SCP orang itu.

(2) Caruman sekaligus secara kebelakangan itu yang kena dibayar kepada seseorang di bawah cerai (1) hendaklah —

(a) bagi tempoh orang itu mencapai umur 25 tahun pada bila-bila masa selepas 1hb. Januari, 1993 sehingga 31hb. Disember, 2009; dan

(b) ditentukan selepas mengambil kira bilangan bulan orang itu telah mencarum kepada Tabung Amanah Pekerja hingga 31hb. Disember, 2009.

(3) Bagi maksud bab ini, "generasi peralihan" bermakna warganegara Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang menjadi ahli Tabung Amanah Pekerja pada 31hb. Disember, 2009 dan yang belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh itu.

BAHAGIAN III

PEMBAYARAN DARI TABUNG

Kebenaran untuk membayar dari Tabung.

19. Suatu jumlah wang yang masih ada dalam kredit seseorang ahli Tabung tidak boleh dibayar dari Tabung kecuali dengan kebenaran Lembaga dan, tertakluk kepada sebarang peraturan dan aturan yang dibuat di bawah bab 39 kebenaran tersebut tidak boleh diberikan melainkan jika Lembaga berpuas hati bahawa ahli itu —

(a) telah mati;

(b) telah mencapai umur 60 tahun; atau

(c) hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan tiada niat untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam.

Bayaran sekaligus bagi ahli SCP yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam selamalamanya atau mati tanpa tanggungan.

20. (1) Jika kebenaran diberikan kepada seseorang ahli SCP di bawah bab 19(c), bayaran sekaligus yang bersamaan dengan baki akaun SCP ahli itu hendaklah dibayar kepadanya.

(2) Jika seseorang ahli SCP mati dan tiada seorang pun layak untuk dibayar sebarang manfaat keberterusan bulanan di bawah bab 22, bayaran sekaligus yang bersamaan dengan baki akaun SCP ahli itu pada masa kematiannya hendaklah dibayar kepada harta pusakanya dan diagihkan menurut —

(a) jika ahli SCP itu adalah orang Islam pada masa kematiannya, *Hukum Syara'*;

(b) jika ahli SCP itu bukan orang Islam pada masa kematiannya, wasiatnya atau jika tiada wasiat, undang-undang berkenaan dengan mewarisi harta yang tidak berwasiat.

Amaun manfaat SCP.

21. (1) Jika seseorang ahli SCP telah mencapai umur 60 tahun, hendaklah dibayar kepada ahli itu manfaat SCP bulanan dalam suatu amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga dalam tempoh seumur hidupnya yang ditetapkan menurut bab ini.

(2) Baki akaun ahli SCP itu hendaklah menentukan amaun manfaat SCP bulanan.

(3) Manfaat SCP hendaklah mempunyai ciri-ciri yang berikut —

(a) amaun manfaat SCP hendaklah ditentukan berdasarkan kepada jadual manfaat yang dibenarkan bagi manfaat SCP, yang boleh disemak secara berkala, dan akan mencerminkan, antara faktor-faktor lain, banyaknya baki akaun SCP ahli itu pada masa dia mencapai umur 60 tahun;

(b) amaun manfaat SCP boleh disemak secara berkala oleh Lembaga selepas itu sebagaimana yang dinyatakan dalam aturan-aturan atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 39.

(4) Lembaga hendaklah, dengan kebenaran Menteri menentukan secara berkala dan mengumumkan amaun ambang yang di atas amaun ambang itu baki akaun SCP akan menghasilkan bayaran manfaat SCP bulanan kepada seseorang ahli SCP.

(5) Jika seseorang ahli SCP telah membuat caruman kepada Tabung bagi suatu tempoh kurang dari 420 bulan apabila dia mencapai umur 60 tahun dan baki akaun SCP ahli itu adalah di bawah amaun ambang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, maka Lembaga boleh atas budibicaranya membayar kepada ahli itu bayaran sekaligus yang bersamaan dengan baki akaun SCP ahli itu sebagai ganti manfaat SCP bulanan di bawah ceraian (1).

(6) Jika seseorang ahli SCP telah membuat caruman kepada Tabung bagi suatu tempoh tidak kurang dari 420 bulan apabila dia mencapai umur 60 tahun dan tidak mempunyai wang yang mencukupi dalam akaun SCP ahli itu untuk membiayai manfaat SCP bulanan minimum sebanyak \$150, menurut jadual manfaat yang dibenarkan bagi manfaat SCP yang terpakai pada masa itu, Kerajaan hendaklah mencukupkan kekurangan dalam baki akaun SCP ahli itu untuk memastikan manfaat SCP yang menghasilkan manfaat SCP bulanan sebanyak \$150.

Amaun manfaat keberterusan.

22. (1) Jika seseorang ahli SCP mati —

(a) sebelum mencapai umur 60 tahun; dan

(b) telah membuat sebarang caruman di bawah Perintah ini bagi bulan sejurus sebelum bulan apabila kematiannya berlaku, hendaklah dibayar —

- (i) kepada seseorang balu atau seseorang balu dan anak-anak atau anak-anak kepada seseorang ahli SCP, manfaat keberterusan bulanan sekurang-kurangnya \$400 kepada mereka secara bersama bagi suatu tempoh yang ditetapkan selama 15 tahun mulai dari tarikh sejurus selepas kematian ahli itu; atau
- (ii) jika tiada seorang pun layak dibayar sebarang manfaat keberterusan bulanan di bawah perenggan kecil (i) kepada harta pusaka seseorang ahli SCP, bayaran sekaligus yang bersamaan dengan jumlah amaun manfaat tersebut yang sepatutnya kena bayar bagi tempoh 15 tahun di bawah perenggan kecil (i), dan bayaran sekaligus itu hendaklah diagihkan menurut bab 20(2)(a) atau (b).

(2) Jika seseorang balu yang berkaitan dengannya manfaat keberterusan bulanan diberikan di bawah bab ini berkahwin semula atau mati, manfaat tersebut hendaklah dibayar kepada anak-anaknya yang kepada mereka manfaat keberterusan bulanan dibayar atau kena dibayar di bawah ceraian (1).

(3) Seseorang anak yang berkaitan dengannya manfaat keberterusan bulanan dibayar di bawah bab ini tidak lagi layak mendapat manfaat tersebut apabila anak itu mencapai umur 21 tahun atau apabila berkahwin di bawah umur itu.

(4) Jika anak-anak kepada seseorang ahli SCP yang berkaitan dengannya manfaat keberterusan bulanan dibayar di bawah bab ini telah mencapai umur 21 tahun sebelum tamatnya tempoh 15 tahun yang disebut dalam cerai (1)(b)(i), jumlah manfaat keberterusan bulanan mereka yang sepatutnya kena dibayar kepada mereka di bawah bab ini jika mereka belum mencapai umur 21 tahun hendaklah dibayar kepada harta pusaka seseorang ahli SCP pada tiap-tiap bulan mulai dari tarikh anak terakhir mencapai umur 21 tahun sehingga tamatnya tempoh 15 tahun yang disebut dalam cerai (1)(b)(i) dan hendaklah diagihkan menurut bab 20(2)(a) atau (b).

(5) Jika manfaat keberterusan bulanan yang kena dibayar kepada mana-mana orang di bawah bab ini adalah di bawah ambang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, maka Lembaga boleh atas budibicaranya membayar sekaligus kepada orang itu suatu amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga sebagai ganti manfaat keberterusan bulanan.

(6) Manfaat keberterusan bulanan boleh dilaraskan secara berkala menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 39.

(7) Bayaran sekaligus dan manfaat keberterusan bulanan hendaklah dibiayai dari tabung perlindungan keberterusan.

(8) Tertakluk kepada cerai (4), sebarang manfaat keberterusan bulanan yang kena dibayar secara bersama di bawah bab ini hendaklah diagihkan menurut aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 39.

(9) Dalam bab ini —

"anak" bermakna seseorang yang berumur 21 tahun ke bawah dan termasuk —

- (a) seorang anak yang lahir selepas kematian bapanya;
- (b) seorang anak tiri atau anak luar nikah yang lahir sebelum kematian ahli SCP dan sepenuhnya atau sebahagian besarnya bergantung kepadanya bagi penyaraannya; dan
- (c) seorang anak angkat, yang diangkat mengikut cara yang diiktiraf oleh undang-undang, sebelum kematian ahli SCP dan bergantung kepadanya bagi penyaraannya;

"balu" bermakna, dalam hal seseorang ahli yang telah mati yang merupakan orang Islam, semua isterinya yang sah yang masih hidup pada masa kematiannya.

(10) Ceraian (1)/b/ tidak boleh dikenakan kepada mana-mana ahli SCP yang mati pada bila-bila masa dalam Januari, 2010.

Amaun manfaat SCP turunan.

23. (1) Jika seseorang ahli SCP mati sebelum mencapai umur 60 tahun, hendaklah dibayar kepada waris-waris yang layak secara bersama manfaat SCP turunan bulanan dalam suatu amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga bagi suatu tempoh yang ditetapkan selama 15 tahun mulai dari tarikh sejurus selepas kematian ahli itu.

(2) Amaun manfaat SCP turunan bulanan yang kena dibayar di bawah ceraian (1) hendaklah ditentukan berdasarkan kepada suatu formula yang dibenarkan, yang boleh disemak secara berkala, dan akan mencerminkan, antara faktor-faktor lain, banyaknya baki akaun SCP ahli itu pada masa kematiannya.

(3) Jika seseorang ahli SCP mati yang berumur antara 60 dan 75 tahun, hendaklah dibayar kepada waris-waris yang layak secara bersama manfaat SCP turunan bulanan dalam suatu amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga bagi suatu tempoh yang ditetapkan mulai dari tarikh sejurus selepas kematian ahli itu dan berterusan sehingga masa ahli yang telah mati itu sepatutnya mencapai umur 75 tahun, jika masih hidup.

(4) Amaun manfaat SCP turunan bulanan yang kena dibayar di bawah ceraian (3) hendaklah ditentukan berdasarkan kepada suatu formula yang dibenarkan, yang boleh disemak secara berkala, dan akan mencerminkan, antara faktor-faktor lain, banyaknya baki akaun SCP ahli itu pada masa dia mencapai umur 60 tahun, dan amaun manfaat SCP yang telah pun dibayar kepada ahli itu pada masa kematiannya.

(5) Jika seseorang ahli SCP mati selepas umur 75 tahun, suatu amaun sekaligus sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga hendaklah dibayar kepada waris-waris yang layak secara bersama.

(6) Amaun sekaligus yang kena dibayar di bawah ceraian (5) hendaklah ditentukan berdasarkan kepada suatu formula yang dibenarkan, yang boleh disemak secara berkala, dan akan mencerminkan, antara faktor-faktor lain, banyaknya baki akaun SCP ahli itu pada masa dia mencapai umur 60 tahun, dan amaun manfaat SCP turunan yang telah pun dibayar kepada ahli itu pada masa kematiannya.

(7) Lembaga hendaklah menentukan secara berkala dan mengumumkan amaun ambang yang di atas amaun ambang itu baki akaun SCP akan menghasilkan bayaran bulanan manfaat SCP turunan; bagi seseorang ahli yang baki akaun SCPnya adalah di bawah amaun ambang itu, bayaran sekaligus hendaklah dibuat kepada waris-waris yang layak secara bersama yang bersamaan dengan amaun baki akaun SCP.

(8) Sebarang manfaat SCP turunan bulanan yang dibayar secara bersama di bawah bab ini hendaklah diagihkan dan diselesaikan menurut —

(a) jika ahli SCP itu adalah orang Islam pada masa kematiannya, *Hukum Syara'*;

(b) jika ahli SCP itu bukan orang Islam pada masa kematiannya, wasiatnya atau jika tiada wasiat, undang-undang berkenaan dengan mewarisi harta yang tidak berwasiat.

(9) Dalam bab ini, "waris-waris yang layak" —

(i) berkenaan dengan seseorang ahli SCP yang merupakan orang Islam, bermakna waris-waris harta pusakanya menurut *Hukum Syara'*;

(ii) berkenaan dengan seseorang ahli SCP yang merupakan bukan orang Islam, bermakna waris-waris harta pusakanya di bawah wasiatnya atau, jika tiada wasiat, waris-waris yang ditentukan menurut undang-undang berkenaan dengan mewarisi harta yang tidak berwasiat.

Lembaga hendaklah memberitahu Pegawai Probet.

24. Jika Lembaga berpuas hati bahawa seseorang ahli Tabung atau orang yang kepadanya sebarang manfaat adalah kena dibayar di bawah Perintah ini telah mati, Lembaga hendaklah selepas itu memberitahu Pegawai Probet yang akan terus menjalankan dengan serta-merta kuasa-kuasanya di bawah bab 13 dari Akta Probet dan Pentadbiran Pusaka (Penggal 11).

Caruman dan deposit tidak boleh diserahkan atau ditahan.

25. Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain —

(a) tiada jumlah wang yang dipotong dari gaji seseorang ahli Tabung di bawah bab 11;

(b) tiada amaun yang kena dibayar oleh majikan sebagai carumannya; dan

(c) tiada amaun yang masih ada dalam kredit seseorang ahli Tabung,

boleh diserahkan hak, dipindahmilik atau ditahan, diasingkan atau dilevi bagi, atau berkaitan dengan, sebarang hutang atau tuntutan apa pun, atau Pegawai Penerima tidaklah berhak terhadap atau mempunyai sebarang tuntutan ke atas sebarang jumlah wang atau amaun tersebut.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN, HUKUMAN DAN PROSIDING

Kesalahan.

26. Mana-mana orang yang kerana sebarang tujuan yang ada kaitannya dengan Perintah ini —

(a) dengan mengetahui membuat sebarang pernyataan palsu;

(b) mengemukakan atau memberikan atau menyebabkan atau dengan mengetahui membenarkan untuk dikemukakan atau diberikan apa-apa dokumen yang diketahuinya sebagai palsu dalam suatu butir penting;

(c) gagal membayar kepada Tabung dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebarang amaun yang dia bertanggung di bawah Perintah ini untuk membayarnya berkaitan dengan atau bagi pihak mana-mana pekerja dalam mana-mana bulan;

(d) menghalang mana-mana pegawai atau pekerja Lembaga dalam menunaikan tugas-tugasnya yang sedemikian;

(e) gagal mematuhi sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawah Perintah ini; atau

(f) gagal membayar kepada Lembaga dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebarang amaun yang dia bertanggung untuk membayarnya di bawah Perintah ini,

adalah melakukan suatu kesalahan.

Penyiaran maklumat kepada orang yang tidak dibenarkan.

27. (1) Mana-mana orang yang digaji oleh Lembaga yang menyiarkan atau menyampaikan tanpa kebenaran yang sah kepada mana-mana orang, melainkan dalam perjalanan biasa kewajipan atau pekerjaannya, apa-apa maklumat yang diperolehinya semasa menjalankan kewajipan atau pekerjaannya adalah

melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-dua sekali.

(2) Lembaga boleh, atas suatu permohonan oleh bakal majikan yang sedang menimbangkan sama ada untuk menggaji mana-mana orang sebagai seorang pekerja atau tidak, memberi kepada bakal majikan itu butir-butir yang berikut mengenai orang itu —

(a) nama majikannya yang dahulu atau, jika dia pernah bekerja dengan lebih dari seorang majikan, nama semua majikannya dalam masa 3 tahun yang lalu; dan

(b) tempoh caruman dibayar ke dalam Tabung bagi orang itu oleh setiap majikannya.

(3) Bakal majikan yang ingin mendapatkan sebarang butir yang disebut dalam ceraiian [2] hendaklah memohon kepada Lembaga dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan.

(4) Lembaga boleh menghendaki seseorang pemohon di bawah ceraiian (3) untuk memberikan bukti bahawa dia sedang menimbangkan sama ada untuk menggaji orang itu yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat.

(5) Bayaran balik tidak boleh dibuat bagi sebarang bayaran yang dibayar di bawah ceraiian (3).

Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat.

28. Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaiian di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau mana-mana pegawai yang seumpamanya badan korporat itu, atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan itu, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

Hukuman bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya.

29. (1) Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang hukumannya tidak diperuntukkan boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$3,000 dan, dalam hal suatu kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

[2] Mahkamah yang di hadapannya sabitan tersebut diperolehi boleh sebagai tambahan kepada denda itu memerintahkan orang itu supaya membayar amaun sebarang caruman berserta dengan sebarang dividen yang genap masanya dibayar ke atasnya yang diperakui oleh seseorang pegawai yang dilantik oleh Lembaga bagi maksud itu sebagai genap masanya dibayar oleh orang itu pada tarikh sabitan tersebut dan amaun itu boleh didapatkan balik menurut undang-undang berkenaan dengan mendapatkan balik denda.

Persetujuan Pendakwa Raya terhadap pendakwaan.

30. Sesuatu pendakwaan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya tidak boleh dimulakan kecuali atas atau dengan persetujuan Pendakwa Raya.

Mengkompaun kesalahan.

31. Lembaga boleh mengkompaun sebarang kesalahan yang boleh dihukum di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya yang boleh ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri bagi kompaun tersebut, iaitu suatu jumlah wang tidak melebihi amaun denda maksimum yang sepatutnya dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

Perkecualian bagi prosiding jenayah.

32. Peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya hendaklah tanpa menjejaskan sebarang prosiding lain di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain.

Perakuan pegawai yang diberi kuasa sebagai keterangan.

33. Dalam sebarang prosiding undang-undang satu salinan suatu catatan dalam akaun Tabung yang telah diperakui dengan tandatangan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga yang ditetapkan oleh Lembaga adalah keterangan *prima facie* tentang catatan yang telah dibuat itu dan tentang kebenaran isi kandungannya.

Perjalanan pendakwaan.

34. Prosiding berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pengerusi Lembaga.

BAHAGIAN V

AM

Perlindungan kepentingan pekerja dalam pelaksanaan prosiding dan penjualan.

35. (1) Jika suatu writ rampasan dan penjualan telah dikeluarkan dalam pelaksanaan suatu penghakiman terhadap seseorang majikan dan sebarang harta atau aset lain kepunyaan majikan itu telah dirampas atau dijual atau pun selainnya direalisasikan dalam menjalankan pelaksanaan itu, dan, sebelum pembayaran hasil penjualan atau realisasi lain kepada seseorang pemiutang pelaksanaan, notis telah diberikan kepada pegawai yang diberi tugas dalam pelaksanaan writ itu oleh Lembaga bahawa sebarang jumlah wang adalah genap masanya dibayar kepada Tabung, sebahagian dari hasil itu tidak boleh dibayar kepada seseorang pemiutang pelaksanaan, melainkan jika dan sehingga mahkamah yang mengeluarkan writ itu telah memastikan dan membuat peruntukan bagi jumlah wang yang genap masanya dibayar kepada Tabung pada tarikh penjualan atau realisasi lain tersebut.

(2) Sekiranya apa-apa kepentingan ke atas mana-mana tempat pekerjaan dijual atas permohonan seseorang pemiutang bercagar di bawah sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu dan Lembaga memberi kepada pegawai yang diberi tugas untuk menjalankan penjualan itu notis bahawa suatu jumlah wang adalah genap masanya dibayar oleh penghutang kepada Tabung, maka hasil penjualan itu tidak boleh dibayar kepada mana-mana pemiutang selain kepada Kerajaan atau seseorang pemiutang bercagar melainkan jika dan sehingga mahkamah yang memerintahkan penjualan itu telah memastikan dan membuat peruntukan bagi amaun yang genap masanya dibayar kepada Tabung pada tarikh penjualan itu atau melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa semua jumlah wang yang genap masanya dibayar kepada Tabung telah dibayar sehingga tarikh penjualan itu.

Kuasa untuk mengecualikan.

36. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* dengan perintah mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

Lembaga boleh melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan secara langsung dengan Tabung dan boleh meminta maklumat.

37. Lembaga boleh, jika Menteri berpuas hati bahawa adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan secara langsung dengan pentadbiran Tabung termasuk khususnya pengumpulan maklumat yang berbentuk statistik atau pun selainnya berkenaan dengan majikan dan pekerja dan bagi maksud ini Lembaga boleh menghendaki majikan dan pekerja supaya memberi butir-butir sebagaimana yang mungkin diperlukan.

Prosiding sivil untuk mendapatkan balik caruman.

38. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, semua caruman yang kena dibayar di bawah Perintah ini boleh, tanpa menjejaskan sebarang remedi lain, didapatkan balik terus oleh Lembaga sebagai suatu hutang sivil.

(2) Tertakluk kepada bab 30, prosiding bagi mendapatkan balik terus itu boleh dimulakan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Lembaga dan orang itu boleh menjalankan prosiding tersebut.

(3) Dalam cerai (1), "caruman" termasuk sebarang dividen, bayaran perkhidmatan dan penalti ke atas sebarang caruman yang dikenakan oleh Lembaga di bawah Perintah ini atau sebarang aturan atau peraturan yang dibuat di bawahnya.

Peraturan-peraturan dan aturan-aturan.

39. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan atau bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna cerai (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan —

(a) untuk mengadakan peruntukan bagi penyelesaian amaun-amaun yang tidak dituntut, tidak dibayar atau pun selainnya masih ada dalam Tabung;

(b) untuk menentukan dan menyemak secara berkala golongan orang yang bekerja sendiri bagi maksud-maksud bab 9;

(c) untuk mengadakan peruntukan bagi kadar, amaun dan tempoh masa caruman yang ditentukan di bawah Perintah ini;

(d) untuk menentukan gaji purata tahunan yang terpakai bagi tahun kewangan yang berikutnya;

(e) untuk menyemak secara berkala amaun-amaun manfaat SCP, manfaat keberterusan dan manfaat SCP turunan;

(f) untuk menghalusi terma-terma dan pengendalian manfaat SCP, manfaat keberterusan dan manfaat SCP turunan;

(g) untuk menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini.

(3) Lembaga boleh, sebagai tambahan kepada kewajipan-kewajipan lain yang dikenakan dan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perintah ini, membuat aturan-aturan —

(a) untuk mengadakan peruntukan bagi cara pembayaran dan pemungutan caruman dan apa-apa perkara yang bersampingan dengannya;

(b) untuk mengadakan peruntukan bagi —

(i) pengembalian caruman di bawah Perintah ini atau mana-mana bahagian dari caruman tersebut yang tersalah bayar; dan

(ii) pembayaran caruman di bawah Perintah ini, atau mana-mana bahagian dari caruman tersebut yang ditinggalkan daripada tersalah bayar;

(c) untuk mengadakan peruntukan bagi penyimpanan buku, akaun atau rekod oleh majikan;

(d) untuk mengadakan peruntukan bagi prosedur pembayaran dari Tabung;

(e) untuk mengadakan peruntukan bagi keterangan dikemukakan dan orang, pegawai atau pihak berkuasa yang kepadanya keterangan hendak dikemukakan bagi maksud-maksud bab 33;

(f) untuk mengadakan peruntukan bagi prosedur yang akan diikuti apabila caruman dibayar ke dalam Tabung;

(g) untuk mengadakan, dalam hal jika seseorang pekerja digaji secara bersama oleh 2 majikan atau lebih, takat kewajipan majikan-majikan tersebut tentang pembayaran caruman di bawah Perintah ini;

(h) untuk mengadakan peruntukan bagi bentuk dan tempoh sebarang notis yang akan diberikan oleh seseorang pekerja kepada majikannya di bawah bab 8;

(i) untuk mengadakan peruntukan bagi penyata yang akan dibuat dan borang dan daftar yang akan digunakan dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini;

(j) untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran majikan, pekerja dan orang yang bekerja sendiri dengan Lembaga;

(k) untuk menetapkan bayaran;

(l) untuk menetapkan apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan;

(m) pada amnya untuk menguatkuasakan matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan Perintah ini dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Zulhijah, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 14 haribulan Disember, 2009 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM